



# جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

## JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.2(49)  
Tarikh : 7 Julai 2020  
Bersamaan : 15 Zulkaedah 1441H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Negeri Melaka  
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk / Tuan / Puan,

### SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.05 TAHUN 2020 BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) JULAI TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat JKMM/D/MMKN/(R)/100-6/3/6 Jld 35 (67) bertarikh 6 Julai 2020 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 8 tahun 2020 yang bersidang pada 24 Jun 2020 telah bersetuju meluluskan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 sebanyak RM500.00 pada bulan Julai 2020.

3. MMKN melalui Perutusan MKKN P.14 8E/8/2020 bersetuju untuk meluluskan BKK Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 sebanyak RM500.00 diberikan kepada pegawai yang layak seperti berikut :

- i) Semua Penjawat Awam Negeri Melaka di Gred JUSA dan ke bawah, kakitangan bertaraf tetap, *contract of service*, *contract for service*;
  - ii) Kakitangan di Pejabat YB Ahli MMKN, YB ADUN di Japerun dan Pegawai Penyelaras DUN;
  - iii) Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan guru sandaran Jabatan Agama Islam Melaka dengan syarat bahawa pegawai yang masih berkhidmat pada 23 Julai 2020 dan telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 Julai 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
4. BKK ini tidak dipanjangkan kepada :-




- i) Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 Julai 2020;
  - ii) Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 Julai 2020; dan
  - iii) Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 Julai 2020.
5. BKK sebanyak RM500.00 akan dibayar pada tarikh pembayaran gaji bulan **Julai 2020**.
  6. Sehubungan dengan itu, bagi pegawai yang pembayaran gaji dibuat melalui sistem "**payroll**", Pihak Bendahari Negeri akan membuat Bayaran Bantuan Khas Kewangan tersebut. Sila rujuk kepada Laporan Jabatan/PTJ masing-masing yang dikeluarkan oleh pihak Bendahari Negeri.
  7. Bagi pegawai yang layak tetapi nama tiada di dalam laporan "**payroll**" bayaran BKK perlu dibuat melalui baucar berasingan. **Baucar berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem SPEKS selewat-lewatnya pada 21 Julai 2020 (Selasa)**. Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKK 2020 – "nama pegawai"**. Contoh: **BKK 2020 – Sallehuddin Bin Abd. Aziz**
  8. **Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik oleh Ketua Jabatan/PTJ mengikut arahan berkuatkuasa. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji di talian 06-230 7285/7298/7802.**

Sekian terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(NORIFAH BINTI NORDIN)**  
Bendahari Negeri,  
**MELAKA.**